

Menangani jenayah ragut

Semua perdu proaktif



Oleh
Noor Mohamad
Shakil Hameed

MUTAKHIR ini masyarakat dikejutkan dengan beberapa kejadian ragut di negara kita, terbaru membabitkan seorang pembantu klinik, Rohairani Abdullah, 36, yang ditetak tangan kirinya hingga hampir putus oleh peragut yang menarik begnya di Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu.

Mengikut Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner, Azham Othman sehingga kini belum ada sebarang tangkapan namun polis mempunyai maklumat mengenai suspek.

Kisah malang dan tragis itu bukan kali pertama dilaporkan di media massa. Sebelum ini, akbar dan televisyen mendedahkan kejadian jenayah ragut di seluruh negara dan sehingga kini sebahagian besar membabitkan golongan wanita.

Ternyata pelaku jenayah ini memburu dan menjadikan golongan wanita sasaran utama mereka. Ini mungkin kerana golongan wanita mudah untuk 'ditewaskan' apabila

Fakta

Walaupun kita terus didebak dengan pelbagai laporan jenayah ragut, masyarakat terutamanya golongan wanita masih mengambil mudah sehingga terus menjadi sasaran peragut.

bergelut atau ketika meragut. Andai ada yang melawan natijahnya cukup berat dan menyayat hati apabila ada yang cedera parah seperti kes terbaru itu.

Lebih malang, ada mangsa meninggal dunia akibat kecederaan yang teruk selepas bergelut dengan peragut.

Seorang kerani wanita, Tang Mui Choo, 35, meninggal dunia di Hospital Besar Melaka selepas bertarung nyawa hampir 23 jam akibat kecederaan parah di kepala ketika diragut dalam perjalanan ke tempat kerja.

Mengikut kronologi kes, ketika kejadian kira-kira 8.15 pagi itu, mangsa yang menaiki motosikal dalam perjalanan ke tempat kerjanya didatangi dua lelaki berpakaian serba hitam yang me-



PARAH...Timbalan Ketua Polis Kelantan, Datuk Mazlan Lazim mengunjungi Rohairani yang cedera ditetak peragut, bulan lalu.

naiki sebuah motosikal sebelum meragut beg tangannya, Tang terjatuh dari motosikal dan mengalami cedera parah.

Akibat pergelutan ketika mangsa cuba merampas semula beg tangannya, Tang terjatuh dari motosikal dan mengalami cedera parah.

Sebelum itu, seorang lagi mangsa, Nur Syaza Yasmin Ruslan, 17, yang mengejar peragut dengan motosikal

meninggal dunia di tempat kejadian apabila motosikalnya dikatakan bergesel dengan motosikal peragut sebelum mangsa terpelanting di atas jalan raya dan dilanggar sebuah kereta lain.

Ini adalah antara beberapa kes ragut yang membelenggu dan merisaukan masyarakat.

Malah, lebih tragis lagi ada juga beberapa kes yang lebih mencemaskan, peragut

menggunakan asid sebagai alat untuk menewaskan mangsa seperti menimpak seorang guru, S Rani, 46, yang dihampiri dua lelaki yang berjalan kaki ketika menunggu bas.

Suspek cuba merampas rantai leher mangsa dan berlaku pergelutan. Melihat mangsa berdegil tidak melepaskan rantai itu, peragut nekad menyimbah asid sebelum meragut rantai leher dan mlarikan diri.

~~GAMBAR~~

Kejadian ini membuktikan penjenayah sanggup buat apa saja untuk mendapatkan hajat mereka termasuk menyimbah asid kepada mangsa.

Justeru, walaupun pihak berkuasa secara berterusan mempergiatkan usaha rondaan serta berjaya menangkap beberapa penjenayah yang terbabit dalam kes ragut, ia belum dapat dihapuskan lagi.

Kejadian ragut yang terus berlaku sehingga ke hari ini membuktikan masih ramai penjenayah berkeliaran di luar sana menanti untuk memerangkap mangsa seterusnya.

Jenayah ragut menjadi ancaman kepada masyarakat malah kita bimbang apabila isteri, ibu atau adik-beradik kita turut terdedah jenayah ragut.

Semua pihak perlu memainkan peranan aktif bagi menangani jenayah ragut ini daripada terus berleluasa. Peranan dan sumbangan polis memang penting bagi menangani isu itu.

Masyarakat juga perlu membantu dengan memberi

maklumat tanpa mengira mangsa atau agama. Jenayah rugut perlu dibanteras dan mereka yang terbabit perlu dihadap ke muka pengadilan.

Penulis berpandangan terdapat dua punca utama iaitu sikap kita yang cuai di samping sikap masyarakat yang leka dan tidak peka dengan kejadian di sekeliling.

Walaupun kita terus didekahkan dengan pelbagai laporan jenayah rugut, masyarakat terutamanya golongan wanita masih mengambil mudah sehingga terus menjadi sasaran peragut.

Ada wanita masih berdegil dengan meletakkan beg tangan di raga motosikal atau gemar memakai serta memperagakan barang kemas selain berjalan seorang diri di kawasan sunyi.

Pada masa yang sama budaya masyarakat yang tidak peka serta masih malu dan segan untuk menjaga tepi kain orang serta tidak mempedulikan apa yang berlaku di sekitar hingga akhirnya membawa musibah kepada kita sendiri.

Satu contoh kejadian yang cukup menyayat hati ialah nasib malang menimpa seorang warga emas, Tan Kim Chuan, 60, yang terbaring di atas jalan tanpa sebarang bantuan selepas menjadi mangsa rugut.

Lebih malang, ada tujuh orang berjalan dan hanya melihat mangsa terbaring menahan kesakitan di jalan raya. Akhirnya mangsa meninggal dunia.

Melihat senario ini, penulis terfikir apakah nilai-nilai ke manusiaan dalam kalangan masyarakat kita semakin terhakis?

Bagaimana tujuh orang yang lalu lalang di kawasan terbabit tergamak dan sampai hati membiarkan mangsa terbaring begitu saja?

Memang tidak masuk akal namun itulah yang sedang berlaku di negara kita. Bayangkan yang terbaring itu ibu mahupun saudara kita sendiri?

Tidak guna Malaysia menjadi negara maju jika kita hilang nilai-nilai kemanusiaan dan budaya prihatin.

Adalah tidak adil meletak tugas dan tanggungjawab memerangi jenayah di bahu polis semata-mata. Masyarakat wajar menjalin perkongsian pintar bersama-sama.

>Penulis ialah Ketua Bahagian

Perancangan Korporat UPM